# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to apply for the Trade Services Facility. Please be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer.

The Information given below is merely general information of the product. Terms & Conditions may vary on case to case basis.

**RHB Bank Berhad (6171-M)**

## BANK PAYMENT OBLIGATION (BPO) BILLS PURCHASED / DISCOUNTING

### PRODUCT INFORMATION

Under BPO Bills Purchased/ Discounting, the Bank will advance money / provide financing against a BPO transaction with payment terms “at sight” or deferred payment basis subject to dataset matched and availability of Obligor Bank and country limit. Interest will be charged on the amount advanced until the Bank receives reimbursement from the Obligor Bank. The advances / financing are deemed to be with recourse; if payment is ultimately not forthcoming from the Obligor Bank due to insolvency or political restriction, the Bank will claim repayment plus interest from the borrower. However, if the Bank has added its confirmation to the BPO, then the advance will be on without recourse basis, provided the dataset is matched. BPO Bills Purchased/ Discounting is not governed by ICC Uniform Rules for Bank Payment Obligations (URBPO) ICC Publication no 750.

.

### FEES, EXPENSES AND TAXES

For the avoidance of doubt, the Customer shall bear all professional fees, taxes (including but not limited to service tax or Goods and Services Tax (GST)), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this product.

GST
Local Sales and Export of goods or services: Standard-Rated Supply (0%) applicable for all fees and charges unless otherwise stated below.

| TYPE OF CHARGES / SERVICES | SALIENT FEES AND CHARGES (Inclusive of GST) |
|---|---|
| **BPO Bills Purchased/Discounting Commission** *(for data submission )* | 1. 0.10% Flat Minimum RM50.00 Maximum RM100.00 for foreign currency<br>2. 0.10% Flat Minimum RM50.00 Maximum RM500.00 for RM transaction |
| **BPO Bills Purchased/Discounting Interest** *( for financing )* | 1. Effective cost of fund (ECOF) plus 2% spread for foreign currency transaction<br>2. Base Lending Rate (BLR) plus 2% spread for RM transaction.<br><br>For sight bills, interest shall be charged from the financing date until reimbursement is received but subject to a maximum tenure of 30 days.<br>Interest charged (for sight bills) = $\frac{P \times (BLR / ECOF + 2\%) \times t}{360/365}$<br>For deferred payment bills, interest will be charged for the deferred payment period. The interest will be taken upfront.<br>Discounted proceeds = $P \left[ 1 - \frac{(BLR/ ECOF + 2\%) \times t}{360/365} \right]$<br>*where,*<br>*P = Principal*<br>*t = tenure*<br><br>GST – Exempt Supply for Interest |

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-18

| TYPE OF CHARGES / SERVICES | SALIENT FEES AND CHARGES (Inclusive of GST) |
|---|---|
| **Handling (Service) fee** | Payment – RM5.00<br>Stamping – RM5.00 |
| **Cost of SWIFT MT Messages** | see table below |
| **Cost of RENTAS** | RM3.00 |
| **Cost of Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |

| | Payment /Short (RM) | Long (RM) |
|---|---|---|
| **Local** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapore** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Others** | 30.00 | 80.00 |

**CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED**

Processing BPO Bills Purchased/Discounting– 2.00pm

Foreign current payment processing is subject to the respective foreign currency cut-off processing time.

Processing / Payment via RENTAS – 12.00pm

Processing / Payment via IBG – 2.00pm

**BRIEF TERMS & CONDITIONS**

The Bank shall purchase / discount the underlying trade transaction via Trade Services Utility (TSU) / Transaction Matching Application (TMA) with BPO subject to the available Obligor Bank and country limit and the Bank is the Seller's Bank.

The Bank shall give value to the trade transaction within 3 working days upon successful data match with BPO and financing period will be based on the fixed period for sight bill or the remaining period to the payment maturity date for usance / deferred payment bill.

The Bank shall be entitled at its sole and absolute discretion to convert the amount purchased / discounted into Ringgit Malaysia at the Bank's prevailing counter rate of exchange before remitting the same to the Applicant. The discounted advance net of all fees, interest and charges or purchased advance shall be disbursed to the Applicant in accordance with the instruction as provided in the application form.

In the event the Obligor Bank dishonors the trade transaction, the Customer shall repay the Bank all such monies advanced / paid by the Bank together with interest thereon at the rate as may be determined by the Bank and all costs and expenses incurred by the Bank in relation thereto.

**OVERDUE BILLS**

The transaction will be converted to overdue upon the following:

- in the event proceeds are not received on the maturity date (for usance bills) or at the end of 30 days from date of financing (for sight bills);
- upon receipt of notification that bill has been rejected, whichever is earlier.

For foreign currency bill, all overdue bills will be converted to MYR denominated loan at the prevailing counter selling rate.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-18

**OVERDUE BILLS**

Overdue interest of BLR + penalty (x%) shall be imposed on all overdue bills. The present penalty is BLR + 3.5% p.a. and shall be computed from the day the bill turns overdue until settlement.

Plus Overdue Bill Penalty fee – RM100.00 and GST is under Out-of-Scope Supply.

All trade facilities are to be frozen upon overdue.

**CONTACT DETAILS**

Should you require any further information, please contact us at:

**Group Transaction Banking Product**
**RHB Bank Berhad**
**Level 3, Tower 3,**
**RHB Centre,**
**Jalan Tun Razak,**
**50400 Kuala Lumpur**
**Tel:(603)92806323 / 92807254 / 92806615 / 92806601/ 92807076 / 92806086**
**Or visit**
**http://www.rhbgroup.com/**
**(Business / Transaction Banking)**
**for regional offices contact details.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 1-June-18

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Kemudahan Perkhidmatan Perdagangan.

Maklumat yang diberikan di bawah hanya maklumat am tentang produk. Terma & Syarat mungkin berbeza mengikut situasi.

**RHB Bank Berhad (6171-M)**

## BIL PEMBELIAN / PENDISKAUNAN KEWAJIPAN MEMBAYAR PIHAK BANK (BPO)

### MAKLUMAT PRODUK

Di bawah Bil Pembelian/Pendiskaunan BPO “Bank Payment Obligation”, pihak bank akan mendahulukan wang / menyediakan pembiayaan untuk urus niaga BPO dengan terma pembayaran " tampak" atau bayaran tertunda tertakluk pada set data yang sepadan dan ketersediaan Bank Penanggung Obligasi dan had negara. Faedah akan dikenakan ke atas amaun yang didahulukan sehingga pihak bank menerima pembayaran ganti daripada Bank Penanggung Obligasi. Pendahuluan / pembiayaan tersebut disifatkan boleh dakwa, jika bayaran tidak diberikan daripada Bank Penanggung Obligasi disebabkan ketakmampuan bayar atau kekangan politik, pihak bank akan menuntut bayaran balik berserta faedah daripada peminjam. Walau bagaimanapun, jika pihak bank telah menambah pengesahannya pada BPO, maka pendahuluan itu akan dijalankan atas dasar tanpa dakwa, dengan syarat set data sepadan. Bil Pembelian/Pendiskaunan BPO tidak dikawal oleh International Chamber of Commerce (ICC) Uniform Rules for Bank Payment Obligations (URBPO) ICC Publication no.750.

### FI, PERBELANJAAN DAN CUKAI

Bagi mengelakkan keraguaan, Pemohon hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau Goods and Services Tax “GST”), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

GST

Jualan Tempatan and Eksport Barangan atau Servis: Pembekalan Berkadar Standard (0%) untuk semua fi dan caj melainkan yang dinyatakan sebaliknya di bawah.

| JENIS PERKHIDMATAN / CAJ | BAYARAN DAN CAJ PENTING (Termasuk GST) |
|---|---|
| **Komisen Bil Pembelian / Pendiskaunan BPO** *(untuk serahan data )* | 1. 0.10% Jumlah Minimum Sama Rata RM50.00, Maksimum RM100.00 untuk mata wang asing<br>2. 0.10% Jumlah Minimum Sama Rata RM50.00, Maksimum RM500.00 untuk urus niaga dalam RM |
| **Faedah Bil Pembelian / Pendiskaunan BPO** *(untuk pembiayaan )* | 1. Kos Dana Berkesan (KDB) berserta 2% tebaran untuk urus niaga mata wang asing<br>2. Kadar Pinjaman Asas (KPA) berserta 2% tebaran untuk urus niaga dalam RM.<br><br>Untuk bil tampak, faedah akan dikira dari tarikh pembiayaan hingga bayaran ganti diterima tetapi tertakluk kepada tempoh maksimum 30 hari.<br><br>Faedah dicaj (untuk bil tampak) = $\frac{P \times (KPA / KDB + 2\%) \times t}{360/365}$ |

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1-Jun-18

| JENIS PERKHIDMATAN / CAJ | BAYARAN DAN CAJ PENTING (Termasuk GST) |
|---|---|
| | Untuk bil bayaran tertunda, faedah akan dikira pada tempoh bayaran tertunda. Faedah akan dikutip pada permulaan.<br><br>Penerimaan terdiskaun = $P\left[1 - \frac{(KPA/KDB + 2\%) \times t}{360/365}\right]$<br>*di mana,*<br>*P = Prinsipal*<br>*t = tempoh*<br><br>GST – Pembekalan Dikecualikan |
| **Bayaran Pengendalian (Perkhidmatan)** | Untuk Pembayaran – RM5.00<br>Untuk Penyeteman dokumen – RM5.00 |
| **Kos SWIFT** | (see table below) |
| **Kos RENTAS** | RM3.00 |
| **Kos Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |

Kos SWIFT:

| | Pembayaran / Mesej Pendek (RM) | Mesej Panjang (RM) |
|---|---|---|
| **Tempatan** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapore** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Lain Tempat** | 30.00 | 80.00 |

**WAKTU TERAKHIR UNTUK MEMPROSES TRANSAKSI**

Memproses Bil Pembelian/Pendiskaunan BPO **-** 2.00pm

Pemprosesan pembayaran dalam wang asing tertakluk pada waktu terakhir pemprosesan pembayaran wang asing yang berkenaan.

Memproses/ pembayaran melalui RENTAS – 12.00pm

Memproses/ pembayaran melalui IBG – 2.00pm

**TERMA & SYARAT RINGKAS**

Pihak bank akan membeli / memberi diskaun urus niaga perdagangan tersebut melalui Utiliti Perkhidmatan Perdagangan / Aplikasi Pemadanan Urus Niaga dengan BPO tertakluk pada Bank Penanggung Obligasi dan had negara yang tersedia dan pihak bank sebagai Bank Penjual.

Pihak bank akan memberi nilai urus niaga perdagangan tersebut dalam masa 3 hari bekerja apabila berjaya mendapat padanan data dengan BPO dan tempoh pembiayaan akan berdasarkan tempoh tetap untuk bil tampak atau baki tempoh pada tarikh matang bayaran untuk bil usans / bil bayaran tertunda.

Pihak bank berhak atas budi bicaranya semata-mata dan mutlak untuk menukar amaun yang dibeli / diberi diskaun ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa di kaunter pihak bank sebelum membuat kiriman yang sama kepada Pemohon. Pendahuluan bersih yang diberi diskaun daripada semua fi, faedah dan caj atau pendahuluan belian hendaklah dibayar kepada Pemohon menurut arahan yang disediakan dalam borang permohonan.

Sekiranya Bank Penanggung Obligasi tidak mematuhi urus niaga perdagangan itu, Pelanggan akan membayar balik pihak bank semua bayaran yang didahulukan / dibayar oleh pihak bank bersama-sama faedah pada kadar yang ditentukan oleh pihak bank dan semua kos dan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh pihak bank.

**TUNGGAKAN BIL**

Urus niaga akan ditukar menjadi tertunggak apabila:

- penerimaan tidak diterima pada tarikh matang (untuk bil usans) atau pada hari yang ke-30 dari tarikh pembiayaan (untuk bil tampak);
- pemberitahuan diterima menyatakan bil ditolak, mana-mana yang terdahulu.

Untuk bil mata wang asing, semua tunggakan bil akan ditukar kepada pinjaman disediakan dalam RM pada kadar semasa jualan di kaunter.

Tunggakan faedah bagi Kadar Pinjaman Asas (KPA) + penalti ( x%) akan dikenakan pada semua tunggakan bil. Penalti semasa ialah KPA + 3.5% setahun dan hendaklah dikira dari hari bil menjadi tertunggak sehingga hari ia dibayar.

Termasuk Fi Tunggakan Bil – RM100.00 dan adalah Pembekalan Di Luar Skop di bawah GST

Semua kemudahan perdagangan akan dibekukan serta-merta apabila menjadi tertunggak.

**MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

**Group Transaction Banking Product**
**RHB Bank Berhad**
**Level 3, Tower 3,**
**RHB Centre,**
**Jalan Tun Razak,**
**50400 Kuala Lumpur**
**Tel:(603)92806323 / 92807254 / 92806615 / 92806601/ 92807076 / 92806086**
**Atau lawati**
**http://www.rhbgroup.com/**
**(Business / Transaction Banking)**
**untuk maklumat perhubungan**
**pejabat wilayah.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada 1-Jun-18